

Contractors' All Risks / Erection All Risk Insurance

PRODUCT DISCLOSURE SHEET

(Read this Product Disclosure Sheet before you decide to take out the Contractors' All Risks / Erection All Risk Insurance. Be sure to also read the general terms and conditions.)

Date:

1. What is this product about?

ZURICH offers two types of engineering insurances for construction and erection works. Contractors' All Risks policy (CAR) is used to cover civil works whilst Erection All Risks (EAR) policy is used to cover mechanical and electrical works.

2. What are the covers / benefits provided?

Both policies provide the most comprehensive insurance protection on an 'all-risks' basis that generally cover loss or damage due to fire, lightning, water damage, flood, storm/tempest, subsidence, landslide, cyclone, hurricane, earthquake, volcanic eruption, burglary and theft, explosion, spontaneous combustion, heating, fermentation, impact and aircraft damage. In general, it is possible to extend the standard policy to cover strike, riot and civil commotion, inland transit, overtime, nightwork and express freight expenses, air-freight, cross liability, maintenance visits / extended maintenance among others.

The benefit(s) payable under this product is (are) protected by PIDM up to limits. For more information, please refer to PIDM's Takaful and Insurance Benefits Protection System brochure on our website www.zurich.com.my or on PIDM's website www.pidm.gov.my.

3. How much premium do I have to pay?

The total premium that you have to pay may vary depending on the risk exposure, sum insured and underwriting requirements of the insurance company. Please refer to the agent or the insurance company directly for more information.

- Standard cover : RM _____ Premium for sum insured of RM _____
- Additional Charge: RM _____

The estimated premium that you have to pay RM _____

4. What are the fees and charges that I have to pay?

Type	Amount
• Commission paid to the insurance agent or direct rebate to the customer	• 15% of premium
• Tax (where applicable)	• 8% of premium
• Stamp Duty	• RM10.00

*Tax – All premium and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

5. What are some of the key terms and conditions that I should be aware of?

- **Importance of disclosure** - you must give all the facts in your application or proposal form fully and faithfully.
- **Importance of receipt keeping and Other Key Terms & Conditions:**
Please refer to this link <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>.
- All terms and conditions as per quotation and referred to Head office/ Branches.
- This list is non-exhaustive. Please refer to the policy contract for the terms and conditions under this policy.

6. What are the major exclusions

The major exclusions are :

- War, invasion, act of foreign enemy, hostilities (whether war be declared or not), civil war, rebellion, revolution, insurrection, mutiny, riot strike, lock out, civil commotion, military or usurped power, a group of malicious persons or persons acting on behalf of or in connection with any political organization, conspiracy, confiscation, commandeering requisition or destruction or damage by order of any government de jure or de facto or by any public authority
- Nuclear reaction, nuclear radiation or radioactive contamination
- Willful act or willful negligence of the Insured or of his representatives
- Cessation of work whether total or partial
- War and terrorism exclusion
- Nuclear energy risk exclusion
- Asbestos exclusion
- This list is non-exhaustive. Please refer to the sample policy contract for the full list of exclusions under this policy.

7. Can I cancel my policy?

No. CAR/EAR insurances are non-cancellable policies.

8. What do I need to do if there are changes to my contact details?

It is important that you inform us of any change in your contact details to ensure that all correspondences reach you in a timely manner.

9. Where can I get further information?

If you have any enquiries, please contact us at: **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**
Level 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Fax: 03-2109 6888 Call Centre: 1-300-888-622 E-mail : CallCentre@zurich.com.my

10. Other types of engineering insurance cover available

- Not applicable

IMPORTANT NOTE:

ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD IS LICENSED UNDER THE FINANCIAL SERVICES ACT AND REGULATED BY BANK NEGARA MALAYSIA.

IF THE PROPOSAL / DECLARATION OF THE POLICYHOLDER / INSURED IS UNTRUE OR MISPRESENTED / MISSTATED IN ANY RESPECT, THEN THIS POLICY MAY BE VOID.

YOU SHOULD SATISFY YOURSELF THAT THIS POLICY WILL BE BEST SERVE YOUR NEEDS. YOU SHOULD READ AND UNDERSTAND THE INSURANCE POLICY AND DISCUSS WITH THE AGENT/BROKER OR CONTACT THE INSURANCE COMPANY DIRECTLY FOR MORE INFORMATION.

The information provided in this disclosure sheet is valid as at

IMPORTANT NOTICE

All premium and fees shown in this document may be subject to tax or other government levies.

Insurans Semua Risiko Kontraktor / Semua Risiko Pemasangan



LEMBARAN PENDEDAHAN PRODUK

(Baca Lembaran Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk membeli Insurans Semua Risiko Kontraktor / Semua Risiko Pemasangan. Pastikan anda juga membaca syarat-syarat dan peraturan am.)

Tarikh:

1. Apakah yang ditawarkan oleh produk ini?

ZURICH menawarkan dua jenis insurans kejuruteraan bagi kerja pembinaan dan pemasangan. Polisi Semua Risiko Kontraktor (CAR) digunakan untuk melindungi kerja awam manakala polisi Semua Risiko Pemasangan (EAR) digunakan untuk melindungi kerja mekanikal dan elektrik.

2. Apakah perlindungan / manfaat yang diberikan?

Kedua-dua polisi ini memberikan perlindungan insurans paling komprehensif bagi `semua risiko' yang umumnya meliputi kerugian atau kerosakan akibat kebakaran, kilat, kerosakan air, banjir, ribut/ribut kencang, ambelasan, tanah runtuh, siklon, gempa bumi, letusan gunung berapi, pecah masuk dan kecurian, letupan, pembakaran spontan, pemanasan, penapaian, kerosakan hentaman dan pesawat. Umumnya polisi asas boleh dilanjutkan untuk meliputi mogok, rusuhan, kekacauan awam; transit dalaman, kerja lebih masa, kerja malam dan perkhidmatan penghantaran ekspres, penghantaran udara, liabiliti silang, lawatan penyenggaraan / penyenggaraan lanjutan, antara lain.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk ini dilindungi oleh PIDM sehingga had perlindungan. Untuk maklumat lanjut, sila rujuk brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans PIDM yang boleh didapati di laman web kami www.zurich.com.my atau di laman web PIDM www.pidm.gov.my.

3. Berapakah premium yang perlu saya bayar?

Jumlah premium yang anda perlu bayar mungkin berbeza bergantung kepada pendedahan risiko, jumlah diinsuranskan dan keperluan taja jamin syarikat insurans. Sila rujuk terus kepada ejen atau syarikat insurans untuk maklumat lanjut

- Perlindungan biasa : Premium RM _____ bagi jumlah yang diinsuranskan RM _____
- Bayaran Tambahan : RM _____

Anggaran jumlah premium yang anda perlu bayar ialah RM _____

4. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?

Jenis	Jumlah
• Komisen dibayar kepada ejen insurans atau rebet terus kepada pelanggan	• 15% daripada premium
• Cukai (yang mana berkenaan)	• 8% daripada premium
• Duti Setem	• RM 10.00

***Cukai** – Semua premium dan yuran yang ditunjukkan di dalam dokumen mungkin tertakluk kepada cukai dan lain-lain levi kerajaan.

5. Apakah syarat-syarat dan peraturan penting yang saya patut ketahui?

- **Pentingnya pendedahan** - anda mesti memberi semua fakta dalam borang permohonan anda dengan sepeh dan sebenar-benarnya
- **Kepentingan penyimpanan resit dan terma & syarat utama yang lain:**
Sila rujuk pautan ini <https://zurich.com.my/en/services/corporate/key-terms-and-conditions>
- Semua syarat-syarat dan peraturan adalah menurut sebut harga dan dirujuk kepada Ibu Pejabat/Cawangan.
- Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk syarat-syarat dan peraturan penuh polisi ini

6. Apakah pengecualian penting di bawah polisi ini?

- Peperangan, serangan, tindakan musuh asing, pertempuran (sama ada peperangan diisytiharkan atau tidak), perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, pemberontakan tentera, rusuhan, mogok, sekatan masuk kerja, kekacauan awam, kuasa tentera atau rampasan kuasa, sekumpulan orang yang berniat jahat atau orang-orang yang bertindak bagi pihak atau berkaitan dengan sebarang pertubuhan politik, konspirasi, penyitaan, rampasan, pengambilan alih atau pembinasaan atau kerosakan atas perintah sebarang kerajaan yang wujud secara hakikatnya atau secara sah atau oleh mana-mana pihak berkuasa awam
- Reaksi nuklear, radiasi nuklear atau pencemaran radioaktif
- Tindakan disengajakan atau kecuai disengajakan oleh Yang Diinsuranskan atau wakilnya
- Pemberhentian kerja, sama ada sepenuhnya atau sebahagian
- Pengecualian peperangan dan keganasan
- Pengecualian risiko tenaga nuklear
- Pengecualian asbestosis
- Senarai ini tidak lengkap. Sila rujuk kontrak polisi untuk senarai penuh pengecualian di bawah polisi ini.

7. Bolehkah saya membatalkan polisi?

Tidak. Polisi CAR/EAR adalah polisi yang tidak boleh dibatalkan.

8. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat pertukaran dalam maklumat hubungan saya?

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang pertukaran dalam maklumat hubungan anda untuk memastikan semua surat sampai kepada anda tepat pada masanya.

9. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: **Zurich General Insurance Malaysia Berhad**
Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur, Malaysia
Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622 E-mel : CallCentre@zurich.com.my

10. Jenis perlindungan insurans kejuteraan lain yang ditawarkan

- Tidak berkenaan

NOTA PENTING:

ZURICH GENERAL INSURANCE MALAYSIA BERHAD DIBERIKAN LESEN DI BAWAH AKTA PERKHIDMATAN KEWANGAN DAN DIKAWAL SELIA OLEH BANK NEGARA MALAYSIA.

JIKA CADANGAN / PERAKUAN PEMEGANG POLISI / PEMEGANG INSURANS ADALAH TIDAK BENAR ATAU DISALAHSAMPAIKAN / DISALAHNYATAKAN DALAM APA JUA CARA, MAKA POLISI INI BOLEH MENJADI TIDAK SAH.

ANDA HENDAKLAH MEMASTIKAN BAHAWA POLISI INI ADALAH YANG TERBAIK UNTUK KEPERLUAN ANDA. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI POLISI INSURANS DAN BERBINCANG DENGAN EJEN/BROKER ATAU HUBUNGI SYARIKAT INSURANS SECARA TERUS UNTUK MENDAPATKAN LEBIH BANYAK MAKLUMAT.

Maklumat yang terkandung dalam lembaran pendedahan ini sah mulai

NOTIS PENTING

Semua premium dan yuran yang tertera dalam dokumen ini mungkin tertakluk kepada cukai atau levi kerajaan yang lain.

Zurich General Insurance Malaysia Berhad

No. Pendaftaran 201701035345 (1249516-V)

Tingkat 23A, Mercu 3, No. 3, Jalan Bangsar, KL Eco City, 59200 Kuala Lumpur,
Malaysia Tel: 03-2109 6000 Faks: 03-2109 6888 Pusat Panggilan: 1-300-888-622
www.zurich.com.my

